

**SATU PENELITIAN STRUKTURALIS TERHADAP  
SASTERA INDIE TERPILIH**  
***A STRUCTURAL RESEARCH OF INDIE LITERATURE  
THROUGH SELECTED NOVELS***

**Nurain bte Khoo Kian Hua<sup>1</sup>**  
**Sim Chee Cheang<sup>2</sup>**

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)<sup>1,2</sup>*  
*suesim@ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 19 April 2019 / Tarikh diterima: 12 september 2019*

---

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji struktur sastera indie menerusi novel yang dihasilkan pada tahun 2015 sehingga hari ini. Kajian ini meneliti novel *Nazi Goreng* (2015) karya Marco Ferrarese, *Perempuan Politikus Melayu* (2016) karya Faisal Tehrani dan *Budiman* (2017) karya Regina Ibrahim. Novel-novel ini dipilih sebagai contoh penerbitan ‘karya indie’ yang merujuk kepada karya-karya yang diterbitkan oleh penerbit swasta, tidak seperti hasil karya sastera Melayu arus perdana yang diterbitkan oleh pendukung sastera Malaysia iaitu Dewan Bahasa Pustaka (DBP). Menurut Rafidah Eksan (2016), sastera indie merupakan karya yang ditulis oleh pengarang baharu dan masih muda dalam penerbitan. Mereka menjadikan ruang ini sebagai alternatif untuk menyiaran karya mereka yang santai dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan dalam undang-undang penerbitan kerana proses penerbitan sastera indie tidak dikawal ketat oleh mana-mana pihak. Penelitian tentang sastera indie dilihat menerusi gaya penulisan yang bersifat memberontak dan agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan. Menurut Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah (2016), sastera indie lebih bersifat sarkastik, protes, menentang, maki hamun dan tidak mempunyai ciri-ciri penulisan yang tertentu. Begitu juga menurut Md Salleh Yaapar yang mengatakan karya ‘indie’ boleh merosakkan bahasa Melayu dan jati diri bangsa Melayu, (Astro Awani: 2016). Justeru, kajian ini akan berfokus kepada analisis plot, watak dan perwatakan dan gaya penulisan dalam tiga buah novel sastera indie yang akan dikupas secara struktural.

**Kata kunci:** Sastera, sastera indie, novel, struktural, gaya penulisan.

## ABSTRACT

*This article reviews the structure of indie literature through selected novels written from year 2015 until today. This research will focus on Nazi Goreng (2015), a novel by Marco Ferrarese, Perempuan Politikus Melayu (2016) by Faisal Tehrani and Budiman (2017) by Regina Ibrahim. These novels have been selected as representative of the novels that are regarded as ‘indie novels’ in reference to novels published independently by independent publishers, unlike the main stream Malay novels published by Dewan Bahasa Pustaka (DBP), the national literary arm. According to Rafidah Eksan (2016), indie literature writers are new and young Malay authors who use literature as an alternative platform to voice their discontent through a style that is defiant against the ethical and moral norms promoted by national literary publishers. Most of the indie literature in Malaysia is unbound by any rules of publishing since the publishers are private ventures that draw their own rules and criteria. Studies on indie literature have been quick to label them as rebellious and aggressive, deliberately non-conformist when compared to the formal national literature which follow ethical writing and publication rules implemented by Dewan Bahasa Pustaka, the Malaysian literary arm. According to Muhammad Rashidi and Siti Nur Hidayah (2016), the tone of the indie literature is often described as sarcastic, protesting and resisting. Md Saleh Yaapar the Malaysian literary institution also has claimed that Indie works can destroy the Malay language and the Malay identity (Astro Awani: 2016). Hence, this research will analyze the three selected novels from a structural viewpoint to determine if the accusations are true by focusing on the plot, character and characteristics and narrative.*

**Keywords:** Literature, indie literature, novel, structural, narrative style.

## PENGENALAN

Menurut Rafidah Eksan (2016) yang merupakan penulis Dewan Sastera mengatakan bahawa kesusastraan indie di Malaysia adalah karya yang ditulis oleh penulis muda relatif baru untuk penerbitan kreatif. Antara hipotesis yang mengelilingi kesusastraan indie adalah “ruang alternatif untuk menyiaran karyakarya santai yang tidak terikat dengan peraturan penerbitan atau penapisan yang ketat dan menyekat.” Artikel ini akan memfokuskan kepada plot, watak dan perwatakan serta penelitian tentang gaya penulisan pemberontakan dan agresif sastera indie yang dikatakan bercanggah dengan tradisi sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan. Gaya naratif telah digambarkan sebagai radikal mempunyai unsur-unsur liberalisme, agnostik, narsistik (cinta berlebihan), memusuahkan nilai-nilai keagamaan, moral dan budaya (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah, 2016) dan nadanya juga sering menyindir, mengejek

dan penuh provokasi. *Nazi Goreng* karya Marco Ferrarese (2015), *Perempuan Politikus Melayu* (2016) oleh Faisal Tehrani dan *Budiman* (2017) oleh Regina Ibrahim telah dipilih sebagai rentetan kepada perkembangan dan tahap tertentu novel-novel Melayu indie.

Komen-komen kritikal tentang gaya penulisan termasuk dari Ramlee Wahab (2017) yang mendakwa bahawa karya Melayu indie bertentangan dengan nilai estetika karya sastera kerana ungkapannya bebas dan struktur kesusasteraan yang tidak mengikat. Sastera indie juga dikatakan sebagai suatu kelompok atau kumpulan kecil anak muda mengikut pendefinisian Biro Tatanegara (BTN). Mereka lebih kerap memilih untuk bersantai di pasar malam atau di kawasan-kawasan tertentu seperti daerah Shah Alam untuk berkongsi pendapat, perasaan dan idea mereka tentang pentadbiran semasa, sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 dan sehingga ketika parti pemerintah Barisan Nasional (BN) digulingkan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Syed Saddiq (2018) menerusi kenyataannya dalam *Berita Harian*, juga yakin perubahan dalam Pilihanraya Umum ke-14 Malaysia adalah disebabkan gelombang belia. Kesan pergerakan belia ataupun anak muda ini telah membawa beberapa perubahan terhadap kerajaan dan pengikut-pengikutnya (Muhammad Rashidi & Nur Hidayah, 2016).

### **Kelahiran Kesusasteraan Melayu**

Menurut Ahmad Kamal Abdullah dalam bukunya *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (Jilid II, 1992), bermula dari tahun 1920–1940-an, bilangan pengarang dengan perspektif radikal berbanding dengan genre novel Melayu konvensional semakin meningkat. Pemilihan teknik penulisan dan tema yang baharu telah diklasifikasikan kepada dua peringkat, iaitu sebelum merdeka yang merangkumi karya-karya dari tahun 1946–1950-an dan selepas kemerdekaan dari tahun 1960–1970-an. Era pertama dari tahun 1946–1949-an selepas Perang Dunia Kedua telah menyaksikan tema yang menyentuh isu-isu semangat perpaduan masyarakat akibat semangat nasionalisme yang meraut imaginasi semua kaum sehingga tercapainya merdeka pada 31 Ogos 1957.

Badan sastera yang paling awal mengumpul semua penulis Tanah Melayu adalah ‘Sahabat Pena’ (1934) yang telah dipelopori oleh Jymy Asmara. Penyatuan ini menjadi lebih kuat pada 1950-an selepas mereka membentuk ASAS50 yang menulis secara eksklusif dalam Bahasa Melayu. Ramai penulis lama yang terlibat dalam ASAS50 seperti Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Ahmad Murad Nasaruddin dan Ahmad Bakhtiar dari zaman pramerdeka. Kemunculan penulis-penulis Malaysia yang baharu seperti Keris Mas, Ahmad Lutfi, Wijaya

Mala dan Adibah Amin juga telah mewarnai dunia sastera pada waktu tersebut (Md. Salleh Yaapar, 2014: 10–12). Pemilihan tema novel-novel Melayu pada masa ini sangat dipengaruhi oleh isu-isu sosial dan politik yang timbul sebelum dan selepas pengunduran penjajahan dalam pembentukan Malaysia. Ekoran daripada pergolakan politik yang berlaku pada waktu itu, dunia sastera juga telah mengalami perubahan konteks terutamanya dari aspek penulisan seperti timbul pelbagai bahasa dan gaya yang berbeza, malah tema tulisan juga cenderung kepada perjuangan dalam mencari identiti sebuah negara baharu. Sebagai contoh, novel *Rumah itu Dunia Aku* (1951), teknik aksi dalaman yang menarik telah diperkenalkan dalam perkembangan sejarah di mana dipaparkan watak Lin dalam cerita tersebut memegang watak sebagai anak orang gaji yang menderita dan terseksa batin kerana lahir sebagai anak luar nikah (Hashim Ismail, 2007: 29).

Selepas merdeka sekitar tahun 1960-an, perkembangan ke pengarangan juga telah mengalami perubahan di mana peranan Bahasa Melayu berada dibawah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956 bagi memastikan bahasa ini menjadi teras utama dalam pembangunan sastera dan bahasa di Malaysia. Perubahan dalam penulisan dipengaruhi oleh perubahan dalam kerajaan, politik, hubungan kaum, pergolakan ekonomi, pembaharuan sosial dan pendidikan. Pengarang telah didorong oleh pemikiran yang wujud pada dekad itu seperti kebebasan dan kemerdekaan negara serta usaha mengangkat martabat bangsa (Nazmi Yaakub, “*Ambil Iktibar Asas 50.*” Berita Minggu. 30 November, 2010). Pergolakan ini telah melahirkan pengarang-pengarang seperti A. Samad Said, Ruhi Hayat, S. Othman Kelantan dan Shahnon Ahmad yang lebih mengutamakan genre-genre yang melibatkan kehidupan realiti masyarakat pada waktu itu seperti tema dan isu kemiskinan, masyarakat buruh, petani dan nelayan telah mendapat perhatian. Unsur-unsur kemanusiaan telah menjadi idea penting dalam penulisan karya pada waktu tersebut (Hashim Ismail, 2007: 28–29).

Perkembangan sastera pada era 70-an semakin berkembang. Menurut Hashim Ismail (2010) dalam bukunya *Kesusasteraan Melayu Moden 1980–1989*, pelbagai kegiatan penulisan seperti bengkel dan sayembara dianjurkan, malah kerajaan juga memberikan sokongan yang kuat pada waktu tersebut. Dunia sastera telah menunjukkan pelbagai bentuk hasil karya yang mengisi pemikiran masyarakat. Namun begitu, Abdullah Hussain (1969) dalam artikelnya yang bertajuk “*Pasang Surut Novel-Novel Melayu*” pernah mengatakan bahawa genre Kesusteraan Melayu sekitar tahun 70-an telah mengalami kemerosotan. Semakin banyak penerbit yang tidak sanggup menerbitkan manuskrip, kurangnya penghayatan kepada penulisan-penulisan novel Melayu yang kritikal dan kekurangan pembaca. Polemik dalam perkembangan Kesusteraan Melayu tahun

70-an juga telah berlaku sekitar tahun 70-an akibatnya terdapat hasrat kerajaan yang memberhentikan Hadiah Karya Sastera pada tahun 1977 sehingga ramai yang tidak berpuas hati (Hashim Ismail, 2010: xi).

Menurut Hashim Ismail (2010), perkembangan Kesusasteraan Melayu sekitar 80-an masih dipengaruhi oleh kesinambungan bentuk dan pemikiran dekad 70-an. Namun, penulis lebih banyak meneroka perubahan dari segi teknik kepenggarangan dengan menerapkan pendekatan teori serta merakam tema realisme sosial masyarakat. Bentuk-bentuk absurdisme yang popular pada tahun 70-an juga sudah tidak diikuti oleh penulis-penulis 80-an. Hal ini kerana terdapat segolongan kecil manusia yang mulai merasai kemajuan kota yang menghimpit terutamanya persaingan dari segi ekonomi. Keadaan ini telah membawa kepada suatu perubahan dunia penulisan di mana mulai muncul karya-karya yang sinis, bersifat protes, bersifat paradoks dan melankolik (Hashim Ismail: 2010). Perkembangan Kesusasteraan Melayu 90-an semakin rancak. Novel-novel seperti *Imam* (1995), *Nogogho Astana* (1997) dan *Shit* (1999) antara yang merancakkan etos dunia penulisan. Konteks semakin membawa kepada suatu keberanian dalam mengutarakan hujah-hujah kritis untuk mencari kebenaran. Contohnya novel *Shit* (1999) dan *Nogogho Astana* (1995) yang banyak membawa satu elemen ilmu pemikiran Machiavelli, tujuan menghalalkan cara, diktator politik dan sinis terhadap pengamal-pengamal politik.

Menurut Rashidi Wahab dan Nur Hidayah (2016: 5), kemasukan internet di Malaysia bermula sekitar tahun 1990-an lagi dan kemasukan idea buku indie ini sudah tentu lebih awal dari tahun 2000. Perkembangan fenomena indie ini berkembang seiring dengan generasi milenia yang lebih menggunakan internet dalam sehari-hari mereka, bermula dengan menerbit dan menjual sendiri. Penerbitan buku ini telah membawa kepada suatu fenomena perkembangan Kesusasteraan Melayu dekad milenia. Penerbitan Buku indie tempatan yang dilihat paling menonjol pada masa tersebut ialah Dubook Press. Menurut Rashidi dan Nurhidayah (2016:6), Dubook merupakan sebuah gerakan penerbitan bahan bacaan yang lahir tahun 2010 hasil daripada kekecewaan terhadap penerbit utama kerajaan iaitu DBP pada waktu itu. Seterusnya, muncul beberapa penerbitan alternatif lain seperti Fixi, Legend Press, Studio Anai-Anai, Selut Press, Terfaktab, Poket Press dan sebagainya.

### Kelahiran Kesusasteraan ‘Indie’

Menurut Joyce M. Hawkins, perkataan ‘indie’ sebenarnya berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu singkatan dari *independent* yang bermaksud bebas, merdeka

dan tidak bergantung pada yang lain. Namun begitu, definisi “indie” secara terminologi pula belum pernah dikemukakan oleh mana-mana pihak berautoriti di Malaysia secara jelas dan terperinci. Menurut Biro Tatanegara (2015), karya indie merupakan manifestasi kebebasan berfikir, idea yang tidak terkawal tanpa ikatan peraturan dan bebas daripada sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup. Faisal Mustaffa (2015) pula mengistilahkan ‘indie’ sebagai kebebasan dalam penerbitan dan penulisan yang tidak terikat dengan mana-mana institusi. Kewujudan pelbagai isu berkaitan dengan isu-isu perlawanan kebangkitan anak muda yang ingin membuat revolusi telah menjadi isu utama. Penulis-penulis pelapis dilihat begitu agresif dan bertenaga. Menurut Ramlee Wahab (2017), golongan indie ialah golongan hipster sastera yang mengangkat tema seperti kebejatan politik dan kebobrokan ekonomi yang menjerat kehidupan masyarakat desa dan kota yang tidak pernah disentuh oleh pengarang lain seperti yang berkaitan dengan seks dan identiti seksual.

Menurut Rafidah Eksan (2016), ‘sastera indie’ merupakan karya yang ditulis oleh pengarang baharu dan masih muda dalam penerbitan. Mereka menjadikan ruang ini sebagai alternatif untuk menyiaran karya mereka yang santai tanpa terikat dengan mana-mana peraturan dalam undang-undang penerbitan kerana proses penerbitan indie dikawal oleh penerbit swasta. Azman Hussin (2016) juga telah mendefinisikan sastera indie sebagai sebuah penulisan baharu yang tidak jelas dan tidak mempunyai bentuk yang tetap. Namun begitu, karya-karya yang dihasilkan berbentuk novel dan sajak tidak serupa dengan sajak dan novel yang kita ketahui sebelum ini. Mereka ingin mengubah tanggapan pembaca terhadap bentuk penulisan yang sedia ada. Secara umumnya, sastera indie ini adalah sastera yang menggunakan teknik yang baharu dan bertentangan dengan teknik penulisan novel arus perdana dalam korpus Kesusteraan Melayu. Malah, kewujudan penulis-penulis indie ini sering dikaitkan dengan kelompok yang mempunyai buah fikiran ataupun hasil pemikiran baharu yang menggambarkan aliran pemikiran seseorang penulis. Hamzah berpendapat dalam bukunya yang bertajuk *Sekitar Pemikiran Seni untuk Seni* (1997: 37), bahawa “sastera bukanlah senjata perjuangan tetapi satu cara sesuatu bangsa melimpahkan apa yang terletak di dalam benaknya dengan tulisan.”

Kewujudan penulis-penulis baharu ini temasuk dalam peralihan fasa era ‘Millenia Baru’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), ‘milenium’ merujuk kepada waktu, alaf dan tempoh masa seribu tahun. Abad milenia terdiri daripada generasi-generasi Y, iaitu sekelompok orang yang lahir selepas generasi X. Menurut Tapscott (2008), generasi Y adalah golongan yang dilahirkan tahun 1998–2009. Generasi Y adalah generasi teknologi yang ditandai oleh aktiviti

melayari internet untuk mencari maklumat dan jawapan kepada segala masalah mereka. Maka, generasi Y ini yang tidak pernah dihalang dalam mendapatkan maklumat atau menyebabkan perubahan, tidak sabar dalam menunggu penyelesaian seperti sejarah masyarakat sebelum ini. Mentaliti ‘milenia’ yang lebih sinonim dengan kemunculan penulis-penulis muda dan kemunculan penerbit indie telah membawa satu fenomena baharu terhadap perkembangan dunia novel Melayu.

Asmiaty Amat dalam *Bicara Sastera* (2017), mentakrifkan penulis indie sebagai golongan muda yang mempunyai kearifan dalam mentaakul pengalaman dan perbincangan dengan rakan sebaya sehingga menjadikan mereka sebagai satu kumpulan yang berbeza dan memiliki kreativiti yang tersendiri. Kemunculan penulis muda dan baharu yang digelar sebagai ‘penulis indie’ ternyata telah menjadi saingan yang hebat kepada penerbitan sastera Melayu lain, terutamanya sastera arus perdana. Majoriti pengarang dalam aliran ini adalah penulis muda dalam lingkungan 20 sehingga 35 tahun. Antara penulis-penulis indie yang sering menjadi bualan ramai ialah Benz Ali, Nadia Khan, Regina Ibrahim, Zul Fikri Zamir, Faisal Tehrani dan Nami Cob Nobbler.

Dubook, Fixi, Rabak Lit, Thukul Chetak dan banyak lagi adalah antara penerbitan indie atau alternatif yang muncul era milenia ini. Protes hadir ekoran keadaan hidup yang kacau-bilau dan para pengkarya menginginkan ruang untuk mengekspresikan karya-karya mereka dalam bentuk penulisan novel, sajak dan sebagainya. Dasar kemunculan fenomena sastera indie di Malaysia ini selepas berlakunya pergolakan politik yang melampau pada tahun 2009. Laporan yang diterbitkan oleh *Malaysiakini* pada 11 Februari 2019, mengatakan negara telah menyaksikan perubahan kerajaan pada pilihan raya umum 2018 baru-baru ini serupa insiden sepuluh tahun lepas pada tahun 2009 yang mana pergolakan politik telah melanda negara disebabkan tumbangnya kerajaan Pakatan Rakyat di Perak yang tercetus ekoran tiga ADUN Pakatan telah keluar dari parti masing-masing dan mengisyiharkan sokongan kepada BN yang merupakan pembangkang negeri pada masa itu. Isu-isu perubahan dan pergolakan politik seperti ini telah membuka ruang kepada golongan muda untuk mengkritik dan menganalisis konteks waktu menggunakan medium penerbitan buku.

Penonjolan isu-isu ini menyebabkan semakin banyak pengeluaran buku diterbitkan secara cepat dan tidak melalui penyuntingan yang ketat. Sistem penerbitan yang digunakan oleh penerbit-penerbit yang membawa sastera indie ini adalah bersifat *underground* (bawah tanah) dan lebih santai. Isu dan maklumat buku juga disampaikan secara terus menggunakan bahasa-bahasa anak muda.

Hal ini yang menjadi pertikaian penerbit buku arus perdana seperti DBP kerana penggunaan bahasa kasar, makian dan sebagainya diluluskan tanpa disaring. Namun begitu, harus diakui bahawa kemunculan sastera indie ini telah menarik minat anak muda dalam menulis dan membaca. Menurut laporan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang mengatakan bahawa jumlah buku yang diterbitkan oleh Malaysia meningkat kepada 14,000 judul pada tahun 2007 berbanding 6,000 judul pada tahun 2003. Kenyataan ini juga disokong oleh Asmiaty Amat dalam artikelnya *Sastera Indie Pilihan Penulis Muda* (2017) yang mana perkembangan ini telah dipengaruhi oleh penerbit-penerbit buku indie yang selari dengan perkembangan teknologi *print-on-demand*, iaitu menghasilkan buku dengan lebih cepat dan kos pencetakan relatif lebih rendah.

Perkembangan ini telah membantu melahirkan buku-buku indie daripada penerbitan Dubook seperti *Kasut Biru Rubina* (2008) oleh Suffian Abbas, *Kelabu* (2011) oleh Nadia Khan dan *Kasino* (2011) oleh Saifulizan Tahir. Juga dari penerbitan Fixi seperti *Cekik* (2011) oleh Ridwan Saidi's, *Amerika* (2011) dan *Stereo Genmai* (2011). Kehadiran sastera indie telah membawa kepada kepelbagaian reaksi dan pandangan daripada pengkritik.

### Permasalahan Kajian

Peredaran masa menyaksikan semakin banyak karya sastera yang dilupakan dan tidak dipandang oleh generasi baharu. Hal ini menyebabkan perkembangan sastera indie sebagai sastera protes yang berpunca daripada kewujudan fenomena baharu dalam revolusi penerbitan buku. Hasil karya arus indie dianggap produk dari keadaan masyarakat, suatu refleksi atau tindak balas sosial. Luahan-luhan golongan muda dan golongan yang selama ini tidak dipandang kerana tiada medium untuk menyampaikan dan ditapis kerana dianggap sebagai simbol protes (Azman Hussin, 2016).

Karya-karya tersebut bukan lagi dipelajari untuk dinilai estetikanya, malah hanya menjadi rujukan dalam kerja-kerja penyelidikan untuk golongan tertentu. Kehilangan karya sastera dalam bentuk terbitan juga bertembung dengan budaya transformasi ke zaman teknologi, maka bertambahnya minat terhadap pembacaan sastera Melayu akan menyelamatkan budaya Melayu terutamanya dari aspek pengetahuan Bahasa Melayu. Perkembangan dalam dunia teknologi telah menenggelamkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat masa kini. Peranan teknologi telah menukar persepsi masyarakat tentang keperluan buku sebagai sumber utama dalam pencarian maklumat. Malah, masyarakat lebih memilih untuk menjadikan teknologi seperti telefon pintar sebagai pengganti

kepada buku, memandangkan buku begitu berat untuk dibawa ke mana-mana berbanding telefon bimbit. Berbanding buku setiap bacaan dan maklumat boleh didapati dengan mudah menerusi telefon bimbit.

Hasil daripada tinjauan Rafidah Eksan (2016) terhadap karya dan penerbitan indie yang cenderung kepada kesalahan dan perlanggaran etika penerbitan kerana tiada proses penilaian dan penyuntingan sebelum menerbitkan sesebuah karya. Selain itu, gaya penulisan indie juga melanggar nilai-nilai norma masyarakat Malaysia yang terkenal dengan sikap sopan santun dan berbudi bahasa. Justeru, karya indie dianggap sebagai karya yang bercanggah dengan nilai estetika karya sastera (Ramlee Wahab, 2017).

Dalam hal ini, permasalahan juga timbul akibat timbulnya beberapa percanggahan dan pertuduhan Biro Tatatanegara dalam *Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan* (2015: 6), menyatakan sastera indie ditandai dengan kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, lepas bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup. Akhirnya, fenomena buku indie ini telah melahirkan ikon-ikon baharu yang menjadi ikutan generasi muda dengan membawa idea bebas atau liberal dan berpemikiran ekstrem seperti Benz Ali, Adam Adli, Melati Rahim, Zikri Ahmad dan sebagainya. Ironisnya, bukan sahaja penerbit buku tersohor tercabar, malah kehadiran kumpulan indie ini dianggap sebagai antagonis. Hal ini telah menimbulkan keraguan pihak tertentu berhubung kecenderungan pemikiran penulis indie yang dikhuatiri tidak selalu dengan pemerintah.

Penyelidikan berkaitan gagasan penulis Melayu milenia masih kurang dibincangkan di peringkat penyelidikan yang menyebabkan kekurangan pendokumentasian. Kebanyakan maklumat hanya boleh diperoleh menerusi makalah, artikel-artikel surat khabar dan jurnal atas talian sahaja. Fenomena sastera indie ini ada kalanya melangkau karya-karya tradisional yang masih mengekalkan nilai estetiknya sehingga timbul pandangan melalui *Berita Harian* pada 27 Disember 2015 yang mengatakan bahawa penulisan indie yang terdiri daripada karya penulis-penulis muda ini hanya akan memandulkan sastera sahaja.

Permasalahan ini tidak memihak kepada mana-mana hasil karya, namun memberi impak kepada evolusi pemikiran ideologi dan perkembangan industri buku itu sendiri. Pemilihan karya sastera indie menampilkan lebih banyak idea baharu dan terus kepada perbincangan isu serta masalah realiti. Ditambah lagi dengan hasil karya arus perdana dituduh terlalu eksklusif di luar garapan umum. (Hani Salwah, 2016).

## Metodologi Kajian Analisis Teori Strukturalis dan Analisis Tekstual – Kritisisme Retorik

Teori strukturalisme merupakan satu-satunya paradigma tulen dalam sains sosial yang terbentuk pada tahun 60-an yang telah dicipta sendiri oleh Claude Levi-Strauss. Strukturalisme di Eropah adalah dalam bidang Linguistik Struktural dari Ferdinand kepada Praha. Summer pula menganggap strukturalisme sebagai suatu kaedah yang meneliti dan ekspresi. Strukturalisme muncul sebagai respons. Menurut pemikiran tersebut, Satre mengemukakan bahawa setiap individu merupakan makhluk yang bebas dan dapat melampaui segalanya. Kritik atas dasar kritis dan pemikiran.

Terdapat tiga tahap dalam membuat analisis. Pertama ialah membuat pemerhatian, kemudian mengklasifikasikan dan akhir sekali ialah mengasingkan konstan dan menyimpulkan keseluruhan kajian. Kenyataan ini membawa konteks makna pengalaman sosial yang dianggap berada pada konteks yang luas dalam kehidupan penulis-penulis baharu yang membawa aliran pemikiran dan idea-idea baharu.

Menerusi teori strukturalis ini, pengkaji melihat keupayaan teori ini ke arah pembentukan kesatuan teks, iaitu pengindikasian elemen sesuai dengan kaedah kombinasi integrasi. Teori ini melihat teks sastera sebagai sebuah jalinan struktur yang kompleks. Segala unsur yang membentuk karya perlu dibedah dan dianalisis. Dengan membuat kaedah sedemikian, penelitian akan dibuat sejajar dengan penyusunan struktur elemen sesebuah novel yang akan dianalisis contohnya tema, watak dan perwatakan dan gaya penulisan.

Analisis karya menerusi pemikiran dan ideologi yang dibawa oleh penulis-penulis gagasan generasi milenia sekitar tahun 1990 sehingga 2017 akan melihat pada perbandingan elemen-elemen berikut:

- i) Plot.
- ii) Gaya Bahasa.
- iii) Watak dan Perwatakan.

Yoseph (1997) menjelaskan teori strukturalisme sastera menganggap karya sastera sebagai artifak (benda seni) dan strurnya hanya dapat difahami dengan menggunakan unsur-unsur seni sahaja. Sesebuah teks sastera terdiri daripada elemen tema, latar, plot, watak dan perwatakan dan gaya bahasa. Komponen-komponen tersebut mempunyai perbezaan aksentuasi dalam sesebuah teks sastera. Strukturalisme dapat membuka ruang kepada penelitian sastera

dalam mana-mana elemen tersebut. Penelitian akan lebih berfokus kepada teks dan elemen yang hendak digunakan sahaja. Seperti dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga elemen dalam membuat analisis. Justeru, analisis tekstual juga akan digabungkan untuk memenuhi metode kritisisme retorik. Menurut Andrews (1983:4), kritisisme retorik ialah satu kaedah sistematik dalam menilai kuasa pemujukan yang terkandung dalam sesebuah teks. Penyelidik akan berperanan sebagai orang yang mendedahkan pola terkini dalam penelitian sesuatu perkembangan sastera yang akhirnya membawa kepada suatu kritikan kritis dan kritikal.

### Plot

Bab ini membataskan ruang lingkup kepada plot novel sastera indie, iaitu *Nazi Goreng* (NG) (2015), *Perempuan Politikus Melayu* (PPM) (2016) oleh Faizal Tehrani dan *Budiman* (2017) oleh Regina Ibrahim. Hampir kesemua novel terpilih iaitu PPM dan NG digolongkan sebagai novel politik. Isu paling ketara yang diserlahkan dalam cerita ini ialah kekuasaan orang-orang politik dalam menentukan kehidupan masyarakat. Novel PPM berkisarkan tentang nasib orang miskin dan tidak berpendidikan seperti Haji Chenon dan keluarganya yang disesarkan dari tanah mereka hanya kerana ketamakan kuasa, kekayaan dan status politik yang menjanjikan keuntungan kewangan yang jauh lebih menguntungkan sehingga kehilangan tanah nenek moyang mereka. Jenny Lim, seorang penyanyi dan juga wanita simpanan ahli politik bernama Datuk Zuri, manakala Irfan seorang anak yatim piatu dan kini bergelar wartawan terkemuka, Chai Yin seorang tutor di universiti dan juga peminat sastera serta Datuk Zuri, ahli politik yang korup dan mempunyai tempat istimewa dalam kalangan pemerintah. Irfan membesar di rumah anak-anak yatim dan menumpang kasih dengan Pak Chenon dan Mak Milah yang tinggal di Kampung Jentayu. Pak Chenon dan Mak Milah kematian anak tunggal mereka, Fitri kerana dipatuk ular. Maka, mereka mencurahkan sepenuh kasih sayang kepada Irfan dan menganggap kehadiran Irfan sebagai pengganti Fitri. Kini, Irfan telah menjadi wartawan yang hebat dan berprinsip dalam memperjuangkan isu-isu masyarakat.

Persahabatan Irfan dan Chai Yin semakin akrab kerana minat yang sama terhadap karya seni dan sastera. Pada suatu hari, Irfan meluahkan hasrat untuk menulis novel berkenaan kehidupan wanita simpanan ahli politik. Dunia gelap yang dianggap tabu oleh masyarakat pada masa itu. Oleh itu, Irfan ingin mencari seorang wanita yang sesuai, yang boleh dijadikan sumber penulisan novelnya. Chai Yin memperkenalkan Irfan dengan Jenny Lim, sepupunya sendiri. Jenny Lim, anak yatim yang dibesarkan oleh ketua kongsi gelap. Selepas ibu kandungnya

dibunuh oleh ketua itu, Leslie, pemandu keluarga mereka membawa Jenny lari ke luar negara. Di luar negara, Jenny mula mengasah bakat dalam bidang seni dan juga menjadi pelacur kelas atas. Pulang ke Malaysia, Jenny dikenali sebagai penyanyi yang hebat dan cantik. Namun, kegiatan sampingannya adalah memusnahkan seberapa banyak lelaki yang berkuasa bagi melunaskan dendamnya.

Datuk Zuri, seorang ahli politik dan ahli perniagaan, sedang giat untuk merampas tanah kepunyaan penduduk Jentayu dengan alasan pembangunan. Bersekongkol dengan ahli perniagaan dari Itali, Datuk Zuri menggunakan segala saluran kerajaan agar penduduk kampung melepaskan tanah mereka walaupun pampasan yang diberikan sangat sedikit. Niat jahat Datuk Zuri disedari oleh Irfan dan Jenny Lim. Dengan bantuan kuasa media dan status selebriti, Jenny dan Irfan berjuang untuk membuka mata masyarakat luar, pemerintah dan badan-badan bukan kerajaan berkenaan penindasan Datuk Zuri terhadap penduduk Jentayu.

NG menceritakan isu-isu perkauman, sosial dan kesan-kesan globalisasi di Malaysia secara realiti. Pertemuan di antara Malik dan Asrul telah mencetuskan perjalanan kisah di beberapa buah tempat. Malik telah mengajak Asrul untuk berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Namun, mereka mengambil keputusan untuk singgah ke Pulau Pinang kerana kos sara hidup agak murah berbanding di Kuala Lumpur. Kehidupan realiti di Pulau Pinang telah menyemarakkan lagi api kemarahan Malik dan Asrul. Di sana mereka terpaksa tinggal di kawasan yang penuh dengan imigran yang datang dari Indonesia, Bangladesh dan China. Sikap rasis Malik semakin tertanam apabila dia beranggapan orang China yang datang ke Malaysia hanya untuk memonopoli ekonomi. Kemudian, di Pulau Pinang juga mereka mula bekerja dengan Porthaksh, seorang ketua sindiket dadah. Keterlibatan Malik dan Asrul mengedar dadah telah menjerumuskan mereka dalam pertelingkahan negara besar seperti Iran dan Afrika. Plot PPM dan NZ mempunyai jalan cerita yang berlainan, namun masih berkisar tentang isu politik dan ekonomi.

Plot *Budiman* lebih bersifat romantik dan social, iaitu memaparkan tentang kisah kehidupan golongan-golongan homoseksual yang bercanggah dengan norma kehidupan manusia. Novel yang mengisahkan tentang seorang lelaki bernama Budiman bin Nassarudin yang merupakan seorang pelakon popular di Malaysia dan mengalami krisis identiti. Budi terpaksa berkahwin dengan Faizah yang sepatutnya menjadi isteri Rahman, sahabatnya. Namun begitu, Budi tidak boleh membohongi kemahuan hatinya yang dia merupakan seorang gay. Plot cerita ini 60 peratus menunjukkan cerita imbas kembali. Bab perkembangan, konflik

sehingga peleraian membincangkan tentang kehidupan zaman mahasiswa yang sehingga mulai bekerja. Budi telah bertemu dengan ramai orang yang berada tetapi homoseksual seperti Fairuz, Fauzi, Romzi, Razak dan Eddie.

Pertimbangan utama ialah paparan peristiwa yang berkisar tentang krisis identiti dan cinta. Sungguhpun terdapat perbezaan antara plot PPM, NG dan Budiman, masih terdapat persamaan yang ketara. Plot PPM dipersembahkan tidak mengikut kronologi. Sebagai contoh, pada awal bab, seorang watak yang rapat dengan Jenny telah mati. Bagaimana watak itu mati dan kenapa hanya diceritakan secara naratif pada bab kemudian. Alasan mengapa plot tersebut tidak mengikut kronologi kerana plot perlu ditinggalkan dengan persoalan untuk menimbulkan unsur kejutan terhadap pembaca, selain mengatur gerakan plot agar tidak tamat sebelum sampai ke kemuncak.

Begitu juga dengan novel NG yang meletakkan bab cerita dengan menggunakan lokasi seperti Kedah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Taiwan dan akhirnya kembali ke Pulau Pinang. Pembahagian plot tersebut menunjukkan susunan kronologi juga tidak sejajar. Kemuncak cerita yang dilerakian satu persatu juga dapat disaksikan dalam dalam novel ini namun kurang ketara. *Nazi Goreng* mengisahkan seorang remaja bernama Asrul dari Alor Setar yang berhijrah ke Pulau Pinang setelah terjerumus dengan pergerakan neo-Nazi *skinhead* yang melaungkan api perkauman dan ketuanan Melayu. Ia lebih dikenali sebagai ‘Malay Power.’ Plot ini hampir sama dengan novel PPM kerana naratif cerita yang digerakkan mengikut tangan yang berkuasa. Orang Melayu dan pemerintahan politik tidak dapat dipisahkan.

Namun begitu, plot *Budiman* terdapat sedikit perbezaan di mana ia disusun secara kronologi, bermaksud mengikut susunan beberapa episod yang berkisar pada watak utama. Plot dalam novel ini juga memaparkan unsur melodramatik. Istilah ‘melodrama’ dipinjam dari teater Eropah yang dimainkan berdasarkan plot romantik yang dikembangkan secara sensasi dan membangkitkan emosi khalayak. Memandangkan *Budiman* adalah salah satu buku yang menaikkan isu krisis identiti masyarakat dalam konteks LGBT, ia menimbulkan rasa kasihan dan dalam masa yang sama menuntut untuk pengadilan hak.

Ketiga-tiga novel ini menunjukkan suatu kritikan dan cara berekspresi penulis dalam melampiaskan rasa berontak mereka, terutamanya terhadap politik, sosial, ekonomi dan budaya yang dikuasai oleh faktor sekeliling. Ia membuktikan penulis didasari oleh isu-isu yang sedang berlaku dalam kelompok masyarakat itu sendiri.

Kesusasteraan adalah sebagai medium pemikiran yang jelas dan penting, suatu institusi pengucapan kemanusiaan yang lazim pastinya berbeza oleh keadaan dan sosial individu, oleh pengaruh ras, sejarah, pengaruh budaya dan linguistik. Menurut Rene Wellek dalam bukunya *Teori Kesusasteraan*, pemikiran itu dibentuk oleh sastera yang membawa penulis membuat penelitian tentang satu pilihan daripada beberapa keseronokan lain yang mungkin kita adakan, tetapi merupakan keseronokan lain yang tinggi.

### **Penggunaan Gaya Bahasa**

Gaya bahasa adalah cara bagaimana pengarang menghuraikan cerita yang dibuatnya atau definisi dari gaya Bahasa, iaitu isi pemikirannya lewat bahasa-bahasa yang khas dalam uraian ceritanya sehingga menimbulkan kesan tertentu. Aminuddin (1995: 5) mengemukakan *style* atau gaya bahasa merupakan cara yang digunakan oleh pengarang dalam memaparkan gagasannya, sesuai dengan tujuan dan efek yang ingin dicapai. Menurut Albertine (2005: 51) pula, gaya bahasa adalah bahasa yang bermula dari bahasa yang biasa digunakan dalam gaya tradisional untuk menjelaskan orang atau objek. Dengan menggunakan gaya bahasa, pemaparan imaginatif menjadi lebih berkesan. Selanjutnya Za'ba (1965: 71) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataan, ikatan ayat, jalan bahasanya, cara susunan atau bentuk pembahasannya. Gaya bahasa mengidentitikan ciri-ciri keperibadian seorang penulis.

Gaya bahasa merupakan bahasa yang diberi gaya dengan menggunakan ragam bahasa yang khas dan dapat diidentifikasi melalui pemakaian bahasa yang menyimpang dari penggunaan bahasa sehari-hari atau lebih dikenali sebagai bahasa khas dalam wacana sastera. Ia mengekspresikan gagasan atau imaginasi yang sesuai dengan tujuan dan kesan yang diciptakan. Justeru, jelaslah bahawa bahasa terbit daripada usaha penulis memanipulasikan bahasa yang sedia ada dan seterusnya mengeksplorasi bahasa dalam bentuk tulisan.

#### a) Penggunaan bahasa asing

Penggunaan bahasa asing banyak digunakan dalam buku-buku sastera indie. Ia sangat bertentangan dengan buku-buku bahasa Melayu aliran arus perdana. Buku-buku keluaran arus perdana tidak mencampuradukkan bahasa asing dalam penghasilan novel. Sebagai contoh, novel *Nenek, Bedar Sukma Bisu* dan *Pulau tanpa Cinta*. Namun, menerusi novel-novel alternatif berikut terdapat penggunaan bahasa asing di dalamnya.

**Jadual 1** Penggunaan bahasa asing novel sastera indie

Novel <i>Perempuan Politikus Melayu</i>	Novel <i>Nazi Goreng</i>	Novel <i>Budiman</i>
a) How are you? Apa khabar? Sihatkan? All right you all come here to have fun don't you?  <i>(Perempuan Politikus Melayu, Hlm: 363)</i>	a) "You know, I like you. You have this puppy- dog face, and you're so clumsy... You are irresistible..."  <i>(Nazi Goreng, Hlm: 208)</i>	a) "Cakaplah betul- betul, free tak? I need a helper."  <i>(Budiman, Hlm: 122)</i>

Sebagai salah satu penelitian kajian, novel keluaran indie lebih banyak menggunakan bahasa asing dalam penulisan. Berhubung kait dengan kehidupan harian masyarakat Melayu, terdapat sebilangan yang sudah tidak menggunakan lagi bahasa Melayu baku dalam pertuturan. Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sharil Nizam juga berpendapat penggunaan bahasa yang tidak mengikut standard dalam kalangan generasi Y bukan sahaja merosakkan nilai dan kemurnian bahasa, malah dikhuatiri menghakis jati diri masyarakat secara perlahan-lahan.

b) ‘PUN’

‘PUN’ dalam sastera merupakan permainan perkataan yang berpusat pada lebih dari satu maksud sesuatu perkataan yang berbunyi sama tetapi berlainan maksud dengan perkataan asal. Digunakan untuk menaikkan unsur jenaka supaya pembaca mendapat perspektif berlainan tentang sesuatu subjek yang sentiasa mempunyai makna yang tidak jelas atau bertujuan untuk menukar maksud asal sesuatu perkataan.

‘PUN’ dalam buku-buku indie banyak digunakan dalam menentukan tajuk sesebuah buku. Hal ini bukan sahaja menarik perhatian pembaca tetapi memberikan pemaknaan yang berlainan. Contohnya dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*. Pemaknaan tajuk novel secara menyeluruh menyamai objek perempuan sebagai politik, tikus dan Melayu. *Perempuan Politikus Melayu* diletakkan sebagai tajuk di mana ia sangat dekat dengan fokus utama penulis apabila meletakkan watak “Orang politik sama tarafnya dengan perempuan pelacur.” Tikus pula merupakan haiwan yang kotor, tinggal di tempat kotor, sering takut dan lari kemudian penulis meletakkan simbolik Melayu sebagai kaum yang sering meletakkan kekuasaan dalam pemerintahan dengan cara menguasai politik tanah air.

Begitu juga dengan novel *Nazi Goreng* yang meletakkan tajuk menyamai bunyi sejenis makanan yang terkenal di Malaysia iaitu ‘*Nasi Goreng*.’ ‘*Nazi Goreng*’ dan ‘*Nasi Goreng*’ mempunyai bunyi yang sama pada huruf Z dan S namun masih berlainan maksud. *Nazi Goreng* mengisahkan seorang remaja bernama Asrul dari Alor Setar yang berhijrah ke Pulau Pinang setelah terjerumus dengan pergerakan neo-Nazi *skinhead* yang melaungkan api perkauman dan ketuanan Melayu. Ia lebih dikenali sebagai ‘*Malay Power*’ (kuasa Melayu). Sekiranya merujuk kepada gerakan ‘Nazi’, yang diketuai oleh Adolf Hitler di Jerman dalam gerakan Nasional Sosialis yang meletakkan fahaman seorang ketua yang berkuasa. Berbeza dengan nasi goreng yang menjadi makanan sesetengah kelompok terutamanya kaum Melayu. Perletakan tajuk seperti ini menonjolkan perjuangan kekuasaan perkauman yang tulen seperti yang dipanjangkan dalam fahaman Nazi dan ‘*Malay Power*.’ Karya seperti ini jarang sekali ditemui pada penerbitan arus perdana kerana dianggap sebagai isu yang sensitif dan berbaur perkauman walhal, penulis tidak hanya bercerita tentang isu kaum sahaja, malah mengkritik permasalahan politik secara tersirat.

Menerusi novel *Budiman* yang meletakkan tajuk novel sebagai simbolik kepada tema iaitu *Budiman*. *Budiman* pada dasarnya merupakan nama kepada watak yang menggerakkan cerita ini, namun perletakan watak telah dipengaruhi oleh plot dan tema yang dimainkan oleh penulis. Budi merujuk kepada nama watak dan ‘Man’ merujuk kepada gender. Novel *Budiman*, sebuah karya yang membicarakan soal cara hidup dan penerimaan kelompok-kelompok songsang seperti gay. Penulis beranggapan beliau mewakili suara kelompok kerana Malaysia masih tidak boleh menerima gay sebagai salah satu seksualiti manusia. Gambaran Budi sebagai seorang lelaki gay yang berperwatakan *macho*, malah tidak menunjukkan seksualiti mereka secara umum.

Berdasarkan penulisan-penulisan seperti ini, penulis lebih bersifat menceritakan kehidupan watak-watak imaginasi sebagai manusia songsang berbanding membuat kritikan terhadap semua kelompok masyarakat. Ekoran itu, muncul buku balas daripada Faizal Tehrani yang membawa tajuk novel *Profesor*. Buku ini menceritakan tentang kehidupan songsang seorang lesbian. Namun, pada hematnya isinya lebih banyak mengetengahkan soal fakta undang-undang Barat yang menyokong perhubungan sejenis. Novel ini berjaya menampilkan persoalan pembaca terhadap pemikiran kedua-dua penulis, sama ada mereka terdiri daripada kelompok tersebut atau mempunyai pemikiran dan agenda lain untuk disebarluaskan. Kebebasan ini telah mewujudkan keberanian dan keterbukaan para novelis dalam menggarap, memikir dan mengangkat permasalahan tersebut sehingga menjadi satu karya yang mencerminkan pemikiran para penulis.

Ketiga-tiga novel ini menunjukkan suatu kritikan dan cara berekspresi penulis dalam melampiaskan rasa berontak mereka terutamanya terhadap politik, sosial dan budaya. Pemikiran dikuasai oleh faktor sekeliling dan ia membuktikan penulis didasari oleh isu-isu yang sedang berlaku dalam kelompok masyarakat itu sendiri.

c) **Penggunaan ayat tergantung**

Bentuk ujaran yang tidak mempunyai subjek atau predikat disebut sebagai ‘ayat tergantung.’ Ayat mesti terdiri daripada subjek dan predikat. Dalam susunan ayat biasa, subjek diletakkan di hadapan dan predikat di belakang ayat. Ayat tergantung terjadi apabila ujaran itu bermula dengan kata sendi, kata hubung, kata kerja: dan, kerana;

**Jadual 2** Penggunaan ayat tergantung dalam novel sastera indie

Novel <i>Perempuan Politikus Melayu</i>	Novel <i>Nazi Goreng</i>	Novel <i>Budiman</i>
Kerana hal itu akan dibincangkan.	Yang datang kelmarin.	Dan dia berbohong.

Sekiranya dilihat secara mendalam, “Kerana hal itu akan dibincangkan sepatutnya dimulakan dengan Hal itu akan dibincangkan.” “Yang datang kelmarin” sepatutnya “Dia datang kelmarin.” Begitu juga dalam novel *Budiman* yang memulakan ayat dengan kata hubung ‘dan.’ Kata hubung tidak sepatutnya diletakkan pada awal perkataan. Kesalahan-kesalahan tatabahasa seperti ini ada kalanya dijadikan sebagai protes para penulis muda.

Menyentuh soal penyuntingan, menurut Azalan Hussain Penerbit Sindiket SolJah mengakui kelemahan penerbitan indie dalam aspek bahasa kerana tidak mempunyai jawatankuasa editorial yang menyelenggara sesbuah naskah sebelum diterbitkan kepada khalayak. Penerbitan indie tidak mempunyai pakar bahasa seperti DBP atau Institusi Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) yang akan menyunting kesalahan ejaan, tatabahasa dan penggunaan kata. Menurut Anwar pula iaitu salah seorang panel dalam Forum Penulis Muda 2015 di ASWARA, Kuala Lumpur, penulis muda cenderung kepada penerbitan indie disebabkan bosan dengan prosedur yang perlu dipenuhi dalam penerbitan arus perdana. Perkembangan penulisan indie semakin popular disebabkan wujudnya kesedaran bahawa sastera bukan sahaja memberi hiburan, keseronokan dan pengetahuan, malahan merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada generasi akan datang.

#### d) Bahasa Grafiti

Dianggap seperti grafiti pada dinding, tembok. Lakaran yang ditulis ronyok untuk meluahkan ketidakpuasan hati. Seiring dengan dunia yang semakin bebas. (Azman Hussin, Utusan Online, 2016). Luahan-luhanan penulis muda dinyatakan dalam bentuk tulisan sehingga bahasa halus diganti dengan caci-maki, kasar dan lantang. Tidak kurang juga bahasa-bahasa erotis yang digunakan dalam karya indie.

Jadual 3 Penggunaan bahasa graffiti dalam novel sastera indie

Novel <i>Perempuan Politikus Melayu</i>	Novel <i>Nazi Goreng</i>	Novel <i>Budiman</i>
a) “Kau setuju aku katakan <i>politician</i> dan prostitute itu sama.” Irfan. <i>(Perempuan Politikus Melayu, Hal : 97)</i>	a) “Jalan la celaka woi!” Dia menjerit. Lelaki-lelaki itu makin dekat. Asrul dapat lihat wajah mereka merah marah. <i>(Nazi Goreng, Hal : 232)</i>	a) “...saling berbalas tindakan bagaiakan dua ekor singa yang ganas dan lapar. Seorang menggigit seorang lagi menjilat. Kucupan dalam yang berahi dan perilaku binatang yang saling membala.” <i>(Budiman, Hlm : 75)</i>
b) Hey... good money dan <b>good fuck</b> too... you no what I mean? <i>(Perempuan Politikus Melayu, Hlm: 75)</i>	b) “This is our country,” Asrul melawan kembali. “ Its belongs to us. Those Chinese and Indians, they came here! <i>(Nazi Goreng, Hlm: 192)</i>	

Didapati penggunaan bahasa graffiti dalam novel sastera indie kerap digunakan. Bahasa-bahasa lucah dan kasar menjadi satu identiti kepada penulisan indie. Aisamuddin Asri penaung Lejenpress menyatakan dalam sebuah sesi temu bual bersama Dimensi, konsep pembacaan buku indie haruslah membaca keseluruhan cerita dan meneliti mesej dan pengajaran yang diketengahkan oleh penulis dan bukannya pada kulit buku ataupun membaca beberapa halaman.

Meneliti isu yang disampaikan dalam ketiga-tiga novel tersebut, *Nazi Goreng* memaparkan pemahaman ideologi yang tidak terletak pada aksi ikut-ikutkan. Ia mencerminkan budaya Melayu yang suka mengikut budaya lain berbanding mencari identiti sendiri. Begitu juga dengan novel *Perempuan Politikus Melayu* yang lebih meleret kepada isu politik dan penyalahgunaan kuasa. Isu tersebut sering diangkat oleh para penulis indie dalam membuat kritikan. Kekuatan kritikan terhadap pemain politik ini adalah salah satu medium yang panjang dalam menurunkan kuasa seseorang. Diikuti dengan novel *Budiman* yang membicarakan soal sosial masyarakat hari ini yang semakin memperjuangkan isu LGBT. Tuntutan-tuntutan ini adalah cerminan daripada realiti yang berlaku di Malaysia pada hari ini. Dalam bahasa mudah, golongan indie ialah golongan

hipi sastera” (*Dewan Sastera*, Ogos 2016). Generasi Z memberi reaksi dengan berkarya bertemakan pelbagai isu seperti kebejatan politik yang membelit dan kebobrokan ekonomi yang menjerat kehidupan masyarakat desa dan kota.

Kesusasteraan sebagai medium pemikiran yang jelas dan penting, suatu institusi pengucapan kemanusiaan yang lazim pastinya berbeza oleh keadaan dan sosial individu oleh pengaruh ras, sejarah, pengaruh budaya dan linguistik. Menurut Rene Wellek (1988) dalam bukunya *Teori Kesusasteraan*, pemikiran itu dibentuk oleh sastera yang membawa penulis meneliti tentang satu pilihan daripada beberapa keseronokan lain yang mungkin kita adakan, tetapi merupakan keseronokan lain yang tinggi.

### **Watak dan Perwatakan**

Watak dalam novel-novel indie secara umumnya dibincangkan terdiri daripada watak-watak realis. Namun, ada kalanya terlalu menampakkan sosok sebenar. Menurut Lutfi Abas dan Sariyan (1988), watak ialah tokoh dalam cerita. Selalunya, watak dicipta untuk mendukung peranan atau diberi fungsi untuk mendukung idea pokok dan mengembangkan idea berkenaan sehingga berjaya mencapai matlamat.

Menerusi novel PPM, Irfan yang merupakan seorang wartawan ingin mendapatkan gambaran sebenar kehidupan orang politik. Keunikannya apabila penulis mewujudkan watak Irfan sebagai seorang yang mempunyai sikap ingin tahu, memiliki kegigihan dan bijaksana. Keazaman Irfan yang ingin mencari gambaran sebenar ahli politik dan ingin menyamakan orang politik dengan pelacur telah mengubah pemikirannya. Perletakan watak tersebut menyatakan penulis begitu berani kerana melibatkan orang politik walaupun tidak menunjukkan nama sebenar. Begitu juga dalam novel NG yang meletakkan Asrul dan Malik sebagai anak muda nasionalis sehingga mewujudkan rasis dalam sesetengah kaum. Watak yang memegang ideologi ini pada akhirnya telah dijadikan pengajaran bahawa fahaman ideologi bukan sekadar ikut-ikutan. Budi dalam novel *Budiman* mewakili orang-orang yang mengalami krisis identiti. Walaupun orang sekitar menganggapnya sebagai songsang kerana menyukai kaum sejenis, terdapat hak-hak yang perlu diperjuangkan oleh orang sekeliling buat kaum-kaum sebegini.

Novel PPM dan NG walaupun pada umumnya membicarakan tentang orang politik dan kelompok yang berideologi nazi, namun watak-watak tidaklah digambarkan secara langsung berbeza sedikit dengan novel *Budiman* yang meletakkan nama watak hampir sama dengan orang yang betul-betul berada dalam bidang industri secara realiti. Ketiga-tiga watak utama ini banyak menggerakkan

jalan cerita dan bertepatan secara telus dengan isu dan tema yang diangkat dalam novel-novel sastera indie. Identiti wartawan, berfahaman nazi dan homoseksual sangat mencerminkan secara terus isu yang diangkat oleh para penulis indie. Berikut merupakan antara dialog watak utama novel *PPM*, *NG* dan *Budiman*:

- “Kau setuju aku katakan *politician* dan *prostitute* itu sama.” Irfan.  
(*Perempuan Politikus Melayu*, hlm: 97)
- “Aku lihat kau materialistik... serabut identiti... penggoda yang free-thinker. Aku fikir kau tentu punya latar sejarah yang menarik... sejarah itu acuan bukan? Irfan.  
(*Perempuan Politikus Melayu*, hlm: 140)
- “This is our country,” Asrul melawan kembali. “Its belongs to us. Those Chinese and Indians, they came here! We are born here!”  
(*Nazi Goreng*, hlm: 192)
- “Tidurlah, Budak Nazi, tidurlah sekarang,” kata Asrul pada dirinya.  
(*Nazi Goreng*, hlm: 295)
- Fairuz bersuara. “Hubungan kita ini pelik, kau tahu, kan sayang?”  
What did you mean, pelik? Pelik macam mana?
- “Homoseksual adalah sejelek-jelek perbuatan keji yang tidak layak dilakukan oleh manusia normal...”  
(*Budiman*, hlm: 68)

Contoh dialog tersebut menujukkan novel-novel indie meletakkan perbualan secara terus dan tidak berkias. Dialog menggambarkan secara terus isu-isu yang diangkat oleh penulis menerusi watak penciptaan mereka. Secara keseluruhannya, perkembangan watak memperlihatkan beberapa ciri individualistik dan telah diinspirasikan daripada dunia realiti pengarang termasuk plot cerita. Watak, plot dan bahasa yang digunakan berfokus pada isu sensitif dan tabu yang tidak akan dibenarkan dalam sastera Melayu arus perdana kerana ia merupakan cara yang paling efektif dalam menyampaikan mesej yang ingin disampaikan, iaitu kebenaran adalah sesuatu yang susah diterima orang ramai kerana menyenggung perasaan dan menyakitkan orang terlibat.

## KESIMPULAN

Menurut Abdul Rahman Embong (2015), sastera indie berpandukan konsep meneliti, meneroka dan mengenal pasti unsur politik dalam sesbuah negara. Menggunakan isu-isu politik sebagai landasan penggerak seni bukan sesuatu yang baharu dalam perkembangan sastera Melayu. Politik dan segala permasalahannya sering kali dilukiskan oleh pengarang kerana politik meliputi segala aspek kehidupan.

Penulis sastera indie telah melaksanakan peranan sebagai seorang penulis seperti mana yang sudah dilakukan oleh penulis dalam arus perdana. Yang berbeza iaitu isu-isu dan teknik penyampaian isu tersebut melalui plot, bahasa dan watak perwatakan yang akan diangkat berkaitan krisis politik antaranya perbuatan kuasa, pertentangan ideologi, hanya menonjolkan ‘gaya’ yang berlainan kerana penyelewengan dunia yang dialami mereka memerlukan ‘gaya’ berlainan untuk menanganinya. Sastera indie seperti yang dinilai adalah produk dari keadaan masyarakat, suatu refleksi atau tindak balas sosial dalam bentuk luahan golongan muda dan golongan yang selama ini tidak dapat meluahkan pandangan mereka akibat sekatan kebebasan bersuara. Selain itu, karya-karya ini sebenarnya adalah produk daripada masyarakat untuk masyarakat yang telah membangunkan minat untuk membaca dalam kalangan remaja Melayu. Laporan Perpustakaan Negara Malaysia yang mengatakan bahawa jumlah buku yang diterbitkan oleh Malaysia meningkat kepada 14,000 judul pada tahun 2007 berbanding 6,000 judul pada tahun 2003 menunjukkan bahawa permintaan terhadap buku semakin meningkat, sekali gus menggambarkan bilangan pembaca juga bertambah. Kenyataan ini juga disokong kuat oleh Asmiaty Amat dalam artikelnya *Sastera Indie Pilihan Penulis Muda* (2017) yang mana perkembangan ini telah dipengaruhi oleh penerbit-penerbit buku indie yang selari dengan perkembangan teknologi *print-on-demand*, iaitu menghasilkan buku dengan lebih cepat dan kos percetakan relatif lebih rendah.

Keterbukaan para penulis dalam menghasilkan sastera indie menyebabkan mereka mulai menulis dengan cara tidak berselindung di sebalik mainan bahasa atau menggunakan perlambangan. Apa-apa sahaja yang lahir dari benak mereka begitu ketara dan tegas untuk diekspresikan. Ketiga-tiga buah buku keluaran penerbitan indie, iaitu *Perempuan Politikus Melayu*, *Nazi Goreng* dan *Budiman* telah membuktikan bahawa penulis Malaysia hari ini telah menghidupkan kembali minat terhadap sastera Melayu melalui penulisan sastera indie yang bertunjangkan kebebasan. Isu-isu yang diangkat telah menggambarkan kenyataan dan permasalahan serta peristiwa politik yang sedang berlaku di negara ini sebagai tanda protes. Sewajarnya, penulis perlu berani mengungkapkan kebenaran dan diekspresikan dalam bentuk karya sastera bagi membentuk pemikiran masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2015). *Sastera, Politik dan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Maskha Sdn. Bhd. 3–13.
- Adnan Hussein & Kamaliah Hj. Siarap. (2000). Penggunaan teknologi komunikasi-informasi di kalangan ahli akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 16. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 120–121.

- Asmiaty Amat. (2017). Wadah: Sastera indie pilihan penulis muda. 19–20.
- Azman Hussin. (2016). *Karya Indie Umpama Grafiti*. 27 Mac 2016. www.utusan.com.my.
- Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan. Biro Tatanegara. (2015).
- Berita Harian*. 25 April. *Kerajaan Sasar Terbit 26000 Judul Buku Setahun*. www.bharian.com.my.
- Day-book Press. *Perihal Dubook Press*. dubookpress.com.
- Faisal Mustaffa. (2015). *Sastera Indie (Part 2) Peranan Indie dalam Masyarakat*. kopitiamekonomi.com.
- Hani Salわah Yaakup. (2016). *Karya Indie dan Industri Penerbitan Buku Malaysia*. 2 Feb 2018. youth.bernama.com.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, 25–33.
- Hashim Ismail. (2010). *Kesusasteraan Melayu Moden 1980–1989*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joyce M. Hawkins. (2011). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd. 223.
- Kamus Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2004). *Sastera Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Salleh Yaapar. (2016). *Perasmian Simposium Bahasa dan Kebudayaan Sempena Program Ekspresi Puisi Dunia Numera (EPDN)*. www.astroawani.com.
- Mohd Azam Hasnizam. (2015). *Penulis Muda Mandulkan Sastera*. 27 Disember 2015. www.bharian.com.my.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah. (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia*.
- Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Syah Holding Sdn. Bhd. 121.
- Ooi Eng Lye. (2005). *Novel terpilih Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rafidah Eksan. (2016). Pro dan kontra penerbitan karya sastera indie di Malaysia. *Dewan Sastera*. 55–57.
- Ramlee Wahab. (2017). *Karya indie: Mencari antara permata dan kaca*. 4 Jun 2017. www.utusan.com.my.
- Sahlan Mohd. Saman. (1994). *Pengarang teks dan khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar Harian. (2016). *DBP Bimbang Penulis Muda Terpengaruh Karya Indie*. 19 Mac 2016. www.sinarharian.com.my.
- Tunas Cipta*. Penerbit indie pilihan penulis muda. (2016). 8.
- Urusetia Panel Anugerah Sastera Negara. (1997). *Sastera dan kemanusiaan: Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981–1996*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zul Fikri Amir. (2015). *Buku pop yang meresahkan orang ambak*. 2 Mei 2015. http://zulfikrizamir.com.